

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 26

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini bilangan kes keganasan rumah tangga, rogol, kesalahan seksual, penderaan kanak-kanak yang diterima oleh Pusat Khidmat Sehenti atau Jabatan Kecemasan di Hospital Kerajaan seluruh Malaysia dipecahkan mengikut negeri, umur, jantina, dan hubungan dengan pelaku.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menawarkan perkhidmatan One Stop Crisis Center (OSCC) di Jabatan Kecemasan di semua hospital Kerajaan di Malaysia. Sehingga kini, terdapat 130 buah hospital yang mempunyai perkhidmatan OSCC. Data-data bagi kes-kes keganasan dan penderaan seperti rogol, liwat, penderaan kanak-kanak dan kes keganasan rumah tangga dikumpul secara manual daripada OSCC.

Statistik yang terkini pada tahun 2018 yang melibatkan kanak-kanak dan remaja berumur 0 hingga 19 tahun, sebanyak 3,258 kes dilaporkan melibatkan penderaan seksual (2,040 kes), fizikal (1,153 kes) dan psikologikal (65 kes). Daripada jumlah penderaan seksual, sebanyak 1,419 kes adalah kes rogol, 518 kes adalah kes cabul dan 103 kes adalah kes liwat.

Pecahan kes mengikut umur yang dilaporkan mendapati bagi umur 0 hingga 9 tahun, jumlah kes penderaan yang dilaporkan adalah 1,176 kes dan daripada jumlah ini kes penderaan fizikal adalah tertinggi (649 kes). Manakala, bagi umur 10 hingga 17 tahun, jumlah penderaan adalah 1,886 kes dan daripada jumlah ini, penderaan seksual adalah tertinggi (1,433 kes). Bagi umur 18 hingga 19 tahun, jumlah penderaan adalah sebanyak 196 kes dan daripada jumlah ini, penderaan seksual adalah tertinggi iaitu 128 kes. Bagi hubungan dengan pelaku, penderaan dalam kumpulan umur 0 hingga 9 tahun majoriti dilakukan oleh ibubapa kandung manakala bagi umur 10 hingga 19 tahun pula majoriti pelaku adalah teman lelaki/teman wanita. Bagi penderaan fizikal, kes yang dilaporkan adalah lebih tinggi bagi jantina lelaki manakala bagi penderaan seksual dan psikologi, jantina perempuan adalah lebih tinggi. Negeri yang melaporkan kes penderaan tertinggi adalah Johor (626 kes), Sabah (577 kes) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (440 kes).

Sekian, terima kasih.